

BERSAMA LESTARI KEAMANAN, KESELAMATAN NEGARA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Daripada Abu Umamah RA, Nabi SAW bersabda, “Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, tunaikanlah solat lima waktu kamu, berpuasalah pada bulan kamu (Ramadan), tunaikanlah zakat harta kamu dan taatilah orang yang mengendalikan urusan kamu, nescaya kamu memasuki syurga Tuhan kamu”. (HR at-Tirmizi)

Sehubungan dengan mafhum sabda Rasulullah SAW tersebut, maka marilah kita bersyukur dengan pengurniaan Islam dengan niat serta iltizam yang ikhlas melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan keikhlasan beribadat kepada-Nya akan menganjatkan diri kita ke darjat taqwa, iaitu prasyarat utama untuk memperolehi ganjaran syurga di akhirat nanti.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Segala puji dan syukur kita persembahkan ke hadrat Allah SWT kerana berbagai lapisan hidup masyarakat di Negara ini dapat terus beribadat dan bekerja mencari nafkah dengan bebas dan tenteram. Ia adalah petanda bahawa negara yang kita huni ini adalah aman dan selamat. Keadaan dan suasana ini wajib kita pelihara dan lestarikan bersama sebagai menzahirkan kesyukuran dan penghargaan terhadap rahmat serta nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT yang sangat bernilai ini. Ini sejajar dengan anjuran Allah SWT menerusi firman-Nya:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: “Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.” (S. Ibrahim: 7).

Dalam pada itu, kita juga hendaklah menyedari bahawa keamanan dan keselamatan yang kita kecapai ini juga adalah hasil jasa dan pengorbanan kesemua cabang pasukan keselamatan kita seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam, Rela dan lain-lain lagi. Mereka sentiasa setia dan siap siaga pada setiap masa menjalankan tugas memelihara dan mempertahankan keamanan dan keselamatan negara demi kesejahteraan semua tanpa rasa jemu.

Atas sumbangan mereka yang tidak ternilai harganya itu, maka bersempena sambutan Hari Polis pada 25 Mac ini, marilah kita hargai dan raikan jasa dan pengorbanan mereka itu dengan merafakkan doa ke hadrat Illahi memohon agar kesemua anggota pasukan keselamatan kita sentiasa berada dalam keadaan sihat wal afiat, bersemangat tinggi, tabah dan komited terhadap amanah yang dipikulkan ke atas bahu mereka.

Mudah-mudahan, berkat keikhlasan dan dedikasi mereka mencurahkan khidmat bakti membolehkan rakyat dan Negara ini terus dilimpahi keamanan dan keselamatan supaya agenda pembangunan mensejahterakan rakyat berjalan lancar.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Dalam kita menikmati keamanan, keselamatan serta kesejahteraan hidup, marilah kita mengambil iktibar dan menginsafi pergolakan yang terus berlaku di pelosok dunia merangkumi konflik etnik, agama dan bangsa seperti di Syria, Iraq, Afghanistan, Myanmar dan lain-lain lagi. Demikian juga dengan beberapa siri penculikan dan pencerobohan di negeri ini sehingga mengorbankan beberapa anggota keselamatan kita juga harus dijadikan iktibar serta pengajaran.

Ia penting kerana kejadian dan tragedi berkenaan memberi peringatan kepada kita bahawa andai kita tidak berhati-hati dan sentiasa memelihara keamanan dan keselamatan yang kita nikmati selama ini, kita mungkin sahaja berhadapan dengan pelbagai lagi tragedi lebih buruk pada masa hadapan. Ini tidak mustahil untuk berlaku dengan mengambil kira senario politik, ekonomi dan sosial dunia yang sangat tidak menentu mutakhir ini.

Oleh hal yang demikian, bagi memastikan masyarakat sentiasa hidup harmoni, tenteram dan bersatu, maka seluruh rakyat tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan ideologi politik perlu bersama-sama berganding bahu dengan pihak berkuasa memelihara dan melestarikan keamanan dan keselamatan sedia ada supaya kita tidak menyesal kemudian hari.

Rakyat yang cintakan keamanan dan keselamatan harus berperanan sebagai mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat-maklumat tentang kegiatan-kegiatan yang boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat dan Negara. Langkah ini sejajar dengan anjuran Allah SWT supaya bantu membantu dalam melakukan sesuatu yang memberi manfaat bersama, sebagaimana firman-Nya:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢١٦﴾

Yang bermaksud: “...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (S. Al-Maaidah: 2).


Kerjasama dalam memelihara keamanan dan keselamatan penting kerana keamanan dan keselamatan yang kita kecapi hingga ke hari ini adalah satu nikmat dan khazanah warisan yang cukup bernilai. Ia tidak boleh ditukar ganti mahupun dijual beli dalam apa jua keadaan sekalipun. Hanya kesedaran dan keinsafan mampu untuk terus membantu membakar semangat cintakan masyarakat dan Negara.

HADIRIN JEMAAH YANG BUDIMAN,

Kita wajib mempertahankan negara yang kita bernaung ini daripada kerosakan dan kemusnahan angkara bukan sahaja penceroboh dan penjenayah rentas sempadan, tetapi juga pihak-pihak yang mengganggu-gugat perpaduan rakyat, kemurnian akidah, kestabilan politik, kestabilan ekonomi dan sebagainya. Ini termasuklah mereka yang merosakkan akidah, mendukung ajaran sesat dan kumpulan yang mempelopori pendekatan revolusi dan anarki untuk merebut kuasa.

Pendek kata, kita perlu menangani budaya yang tidak sihat ini secara keseluruhannya kerana ia telah mula menular dalam masyarakat. Segala perbuatan yang boleh mengeruhkan hubungan antara masyarakat berbilang kaum dan agama serta menimbulkan kacau-bilau dalam masyarakat perlu dihindari. Mereka yang masih lena dibuai kelekaan fatamorgana duniawi perlu dibangkitkan kerana sesungguhnya penjajahan dalam bentuk baru boleh terjadi sekiranya masyarakat terus berbalah sesama sendiri.

Ingatlah firman Allah SWT:

 وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رَاحَتُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cecal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.” (S. Al-Anfal: 46).

Justeru, demi kesejahteraan hidup bersama dan keamanan Negara, segala perbezaan dan perselisihan yang wujud perlu diketepikan. Setiap pihak perlu mencari titik persamaan dalam perbezaan yang wujud. Keamanan dan keselamatan rakyat serta negara perlu diberikan tumpuan dan keutamaan mengatasi agenda kelompok atau individu tertentu yang berkepentingan.

SAUDARA MUSLIMIN YANG MULIA,

Kita harus ingat dan sedar bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kesepaduan sosial dan kesatuan dalam kalangan masyarakat kita selama ini ialah elemen perpaduan kaum dan perasaan saling hormat menghormati antara satu sama lain yang telah sehati sejak dulu lagi. Maka menjadi kewajipan bagi kita semua memelihara dan melestarikan Formula dan ramuan mujarab ini dengan memperturkannya kepada generasi muda yang bakal meneruskan legasi kepimpinan dan kecemerlangan Negara kita.

Ini adalah tanggungjawab utama ibu bapa dan guru pada hari ini demi memastikan anak-anak generasi Y tidak hanyut dengan pelbagai sogokan gajet sehingga leka tentang peranan dan tanggungjawab mereka untuk menjadi nadi dan tulang belakang negara yang kita cintai ini.

Sehubungan itu, umat Islam yang merupakan penduduk majoriti Negara ini wajib memupuk unsur-unsur membawa kepada keamanan, perpaduan dan kesejahteraan rakyat seperti berkasih sayang, saling nasihat menasihati, bantu membantu dan sebagainya. Sebaliknya, jauhilah sama sekali perasaan dendam kesumat, hasad dengki, pulau memulau dan sebagainya. Ini selaras dengan nasihat yang diberikan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

"Jangan kamu berendam kesumat, jangan kamu berhasad dengki, jangan kamu berpaling muka, jangan kamu pulau memulau, sebaliknya hendaklah kamu bersaudara. Adalah tidak harus bagi seseorang Muslim tidak bertegur sapa dengan saudaranya melebihi tiga hari." (HR Bukhari dan Muslim).

Dengan hal yang demikian saudara-saudara sekalian, elakkan diri daripada melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan bencana atau mudarat kepada keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara. Jadikanlah segala insiden dan tragedi buruk yang melanda masyarakat dan Negara mutakhir ini sebagai pengajaran berguna dalam melestari kewanitaan dan keselamatan Negara kita demi kesejahteraan bersama.

وَأْتَقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: "Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksanya." (S. Al-Anfal: 25)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.